

Pasang alat pengesan elak tragedi tertinggal anak dalam kereta

Oleh [Junaidah Zakaria](#) - November 20, 2023 @ 9:31am
bhrencana@bh.com.my



Antara laporan dalam BH Online mengenai kes tertinggal anak di dalam kereta.

KES kematian kanak-kanak ditinggalkan dalam kenderaan oleh ibu bapa atau penjaga berlaku setiap tahun, sekali gus menjadi trauma kepada individu terbabit.

Sebahagian besar kes berlaku disebabkan ibu bapa atau penjaga terlupa menghantar kanak-kanak ke pusat asuhan atau sekolah kerana perubahan rutin perjalanan atau tugasan pada waktu pagi.

Jika fikiran tidak difokuskan kepada anak dihantar atau anak pula tidak berada di ruang mudah dilihat, maka kegagalan kognitif seseorang boleh berlaku sehingga menyebabkan individu berkenaan terlupa.

Ia menyebabkan kanak-kanak terdedah strok haba dalam kenderaan yang bergantung kepada keadaan biologi dan fisiologi seperti usia, status kesihatan dan cuaca persekitaran.

Kanak-kanak berusia antara 1 hingga 5 tahun mengalami proses pemindahan haba daripada persekitaran sekeliling lebih tinggi berbanding orang dewasa. Proses mekanisme perpeluhan dalam badan tidak cukup matang untuk melindungi mereka daripada haba berlebihan.

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila penjaga terlupa dan meninggalkan anak dalam kenderaan berkunci kerana suhu di dalamnya mungkin meningkat daripada 16 darjah Celsius kepada 40 darjah Celsius dalam masa beberapa minit.

Sebenarnya, kes ini juga berlaku di negara luar seperti Amerika Syarikat (AS), Itali dan China. Menurut kajian, dua keadaan menjadi penyebab kanak-kanak ditinggalkan, iaitu penjaga dalam keadaan sedar sama ada kanak-kanak tertidur atau terkunci dalam kereta ketika bermain atau terdapat masalah pada sistem kenderaan.

Keadaan kedua pula ketika penjaga tidak sedar atau terlupa kehadiran anak dalam kenderaan dengan faktor risiko antaranya usia, tahap pendidikan, bilangan anak, perubahan rutin harian dan keletihan.

Pada tahun ini sahaja, tiga kes ibu bapa terlupa anak mereka dalam kenderaan sehingga membawa kepada kematian di negara ini.

Kajian rintis deskriptif dijalankan penyelidik Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), mendapati 34 peratus daripada keseluruhan responden mengakui ada pengalaman terlupa anak dalam kenderaan sama ada untuk tempoh sekejap atau lama, iaitu melebihi 10 minit.

Hasil kajian juga menunjukkan 70 peratus kes membabitkan ibu. Antara puncanya, meninggalkan anak dengan niat 'tinggal sekejap sahaja' untuk urusan membeli barangan runcit di kedai atau perbankan sehingga anak dalam kereta tidak lagi berada dalam konteks pemikiran. Ini antara contoh situasi kegagalan kognitif.

Kajian juga mendapati nilai purata tahap kegagalan kognitif, responden mempunyai pengalaman terlupa anak dalam kenderaan adalah tinggi berbanding kumpulan responden yang tiada pengalaman itu

Penyebab kegagalan kognitif

Antara penyebab kegagalan kognitif ialah sifat pelupa, gangguan terhadap aktiviti rutin dan false triggering atau was-was. Ketiga-tiganya adalah kesilapan sering dilakukan manusia dan menjadi faktor kemanusiaan. Namun, kegagalan kognitif boleh dibendung dengan intervensi terfokus dan sistematik.

Ia juga berpunca tiada sifat kesedaran yang merujuk keadaan apabila kita melakukan sesuatu pekerjaan dalam keadaan sedar secara penuh atau memberikan tumpuan lebih terhadapnya tanpa terganggu.

Berdasarkan kaji selidik, responden didapati mempunyai pengalaman terlupa anak dalam kenderaan menunjukkan nilai skor purata kesedaran lebih rendah berbanding kumpulan responden tiada pengalaman terlupa.

Terdapat beberapa aspek dalam pembentukan sifat dan tingkah laku kesedaran, iaitu keupayaan untuk memerhati, menggambarkan, bertindak dengan kesedaran, tidak bertindak balas dan tidak menghakimi. Semua aspek ini, menjadi penanda aras seseorang itu sama ada cenderung atau tidak untuk lebih berhati-hati dalam menjalani kehidupan seharian.

Apabila dalam keadaan sedar secara penuh, individu dapat mengatur dan mengawal pemikiran, tingkah laku serta maklum balas dengan lebih baik tidak kira sama ada dalam menjalankan rutin kerja seharian atau ia terganggu dengan kepelbagaian faktor tidak dirancang.

Merujuk kepada American Psychological Association (APA), individu melakukan kerja dengan keadaan sedar secara penuh dapat membantu mengurangkan tekanan, menguatkan ingatan, membantu menajamkan fikiran dan tumpuan, mengurangkan kecelaruan emosi, mengurangkan keresahan serta membantu menambah baik personaliti.

Tidak dinafikan, tekanan juga boleh menjadi penyebab berlaku kegagalan kognitif hingga kurang peka terhadap tugas atau aktiviti sedang dilakukan.

Tekanan dalam kehidupan secara am terbahagi kepada konstruktif dan destruktif. Tekanan konstruktif merujuk tekanan berupaya menjadikan seseorang lebih berjaya dan komited dalam mencapai sesuatu objektif, iaitu berkadar langsung dengan prestasi pekerjaan mahupun kehidupan.

Tekanan destruktif pula merujuk kepada jenis tekanan menyebabkan prestasi individu semakin hari semakin menurun, akhirnya membawa kepada fasa kemurungan jika dibiarkan berterusan.

Hasil kajian mendapati responden mempunyai pengalaman terlupa anak dalam kenderaan merekodkan tahap purata skor tekanan membabitkan beban tugas di tempat kerja agak tinggi.

Walaupun kajian hanya membabitkan kelompok kecil, dapatan boleh dijadikan panduan dan rujukan untuk masa hadapan bagi mengelak kes terlupa anak dalam kenderaan berulang.

Individu juga perlu peka tahap kegagalan kognitif dan status tekanan dalam diri masing-masing. Ini penting bagi mengetahui punca dan membendung kejadian hingga kes sedemikian tidak lagi berlaku.

Cara lain boleh dilakukan bagi membantu ibu bapa menangani isu ini seperti pemasangan alat pengesanan kanak-kanak (CPD) dalam kenderaan.

Alat ini berupaya menghantar mesej kepada ibu bapa jika terdapat pengesanan objek dalam kenderaan yang diletakkan dalam masa beberapa minit. Kebanyakan negara seperti AS dan Eropah sudah memperkenalkan teknologi pemasangan alat ini secara meluas.

Sudah sampai masa ibu bapa di negara ini mempunyai kesedaran untuk memasang CPD. Pihak berwajib pula boleh menjalankan kempen keselamatan berkaitan kes ini, contohnya di tempat kerja dan pusat beli-belah.

Pencerahan mengenai keperluan pemasangan alat peranti ini juga dilihat perlu untuk meningkatkan kesedaran terhadap tahap keselamatan kanak-kanak di negara ini.

Penulis adalah Pensyarah Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), FSTI